

Belon beri amaran banjir

» Teknologi baru diperkenal JPS, DBKL kesan paras air sungai

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia melangkah setapak lagi dalam kemajuan teknologi apabila memperkenalkan teknologi belon untuk digunakan sebagai alat awal amaran banjir.

Bagi tujuan itu, Sungai Batu di Kampung Kasipillay, Jalan Ipoh di sini, menjadi sungai pertama di negara ini dan di dunia, menggunakan teknologi belon gergasi sebagai amaran banjir.

Teknologi dengan kos RM120,000 itu diperkenalkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bagi memberi amaran awal sebelum berlaku banjir kilat yang sering melanda kampung itu.

Pengesan yang dipasang oleh JPS dan diletakkan di tebing sungai mampu mengesan kenaikan paras air pada paras bahaya sebelum siren amaran berbunyi.

Belon yang diletakkan di tebing sungai akan naik ke uda-

ra setinggi 50 meter pada paras bahaya dan terus naik sehingga 70 meter apabila paras air mencapai tahap kritikal.

Sebar amaran lebih cepat

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phasal Talib, berkata teknologi itu akan diselaraskan dengan bilik gerakan banjir DBKL yang akan bertindak dalam tempoh setengah jam selepas amaran diterima.

"DBKL dan JPS yakin belon amaran banjir ini dapat mem-

bantu penduduk sekitar mengenai banjir dengan lebih cepat dan merangkumi semua kawasan sasaran.

"Selain bunyi siren, belon gergasi ini juga dilengkapi lampu dan paparan papan LED amaran banjir yang berkelip bagi memudahkan penduduk melihat dari jauh dan pada waktu malam," katanya selepas melancarkan belon berkenaan di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran Malaysia,

Datuk Ir Ahmad Husaini Sulaiman.

Guna di kawasan berisiko

Ahmad Phasal berkata teknologi yang dicipta oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Pilot DBKL yang memenangi Anugerah Idea Inovasi 2012 itu juga akan digunakan di kawasan lain yang sering

"DBKL dan JPS yakin belon amaran banjir ini dapat membantu penduduk sekitar mengenai banjir dengan lebih cepat dan merangkumi semua kawasan sasaran"

Ahmad Phasal Talib,
Datuk Bandar Kuala Lumpur



Ahmad Phasal (dua dari kanan) bersama Ahmad Husaini (kanan) ketika melancarkan Belon Amaran Banjir di Kampung Kasipillay, semalam.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

dilanda banjir.

Antara kawasan terbabit adalah di Sungai Bunus, Jalan Tun Razak dan di Segambut Bahagia.

Beliau berkata, DBKL juga sudah membuat permohonan untuk pendaftaran paten teknologi itu kepada Perbadanan Harta Intelekt.

Sementara itu, Ahmad Husaini berkata pihaknya

menjalankan kerja pengorekan pasir mendap dalam sungai berkenaan secara berterusan bagi mengelak banjir di kawasan sekitarnya.

"JPS akan bekerjasama dengan DBKL untuk menjalankan kerja penyelenggaraan secara berjadual bagi memastikan sistem amaran ini sentiasa berada dalam keadaan baik," katanya.

